


Arahan: Jawab soalan dalam Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A Karangan Pendek

◀ SP 3.4.1; 3.4.2; 3.4.3; 3.4.4; 3.4.5

Berdasarkan gambar yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Misi Bantuan Bencana Alam**Modul Pendidikan Sivik dalam Bahasa Melayu****Nilai Teras: Kasih sayang****Langkah-langkah:**

1. Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
2. Guru mengemukakan topik, "Hulurkan Tangan, Ringankan Beban".
3. Setiap kumpulan akan diberikan tajuk perbincangan seperti:
 - Golongan yang layak menerima bantuan
 - Cara-cara menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan
 - Kepentingan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan
 - Kesan-kesan sekiranya tidak memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan
4. Setiap kumpulan akan membentangkan hasil perbincangan di hadapan kelas.

Lihat gambar dan maklumat di bawah dengan teliti. Kemudian, pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

PROGRAM MINGGU BAHASA MELAYU

- Pelbagai aktiviti menarik
- Murid terdiri daripada pelbagai kaum
- Memartabatkan bahasa dan sastera
- Memupuk perpaduan dan persefahaman

1. Persatuan Bahasa Melayu sekolah anda telah menganjurkan program Minggu Bahasa Melayu.

Nyatakan aktiviti-aktiviti sepanjang program tersebut berlangsung.

2. Penglibatan murid-murid dalam program Minggu Bahasa Melayu memberikan banyak faedah.

Huraikan faedah-faedah tersebut.

3. Anda ingin menulis surat kepada rakan anda untuk menceritakan pengalaman anda menyertai program Minggu Bahasa Melayu yang diadakan di sekolah.

Tulis surat itu selengkapnya.